

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 12 MEI 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 8**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1211-L11288  
**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian mengkaji perubahan cuaca yang berlaku sekarang. Apakah rumusannya dan persiapan Kementerian pada masa akan datang.
2. PR-1211-L11492  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan "mean monthly household income" dan "median monthly household income" untuk negara dan setiap negeri di Malaysia bagi tiap-tiap tahun sejak 2000.
3. PR-1211-L11806  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan kuasa ke atas Petronas daripada Perdana Menteri kepada Parlimen.
4. PR-1211-L11674  
**Dato' Lee Chee Leong [ Kampar ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan -
  - a) apakah Kementerian merancang untuk menambah pengambilan lepasan SPM menyertai kursus perguruan secara PISMP; dan
  - b) menyerap semua guru sandaran dalam cuti (KDC) memandangkan keperluan mendesak di SJKC dan terdapat ramai pemohon bagi kursus perguruan di kalangan lepasan SPM dan guru sandaran.

5. PR-1211-L11916  
**Dato' Haji Abdul Halim Bin Abdul Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh MARA untuk membantu pemandu teksi supaya mereka dapat berdikari khususnya pemandu-pemandu teksi yang telah membawa teksi lebih daripada 15 tahun.
6. PR-1211-L11640  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah doktor pakar dan kakitangan sokongan yang telah dihantar ke Hospital Lahad Datu dan Kunak.
7. PR-1211-L12153  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapakah Kerajaan perlu membelanjakan RM108 juta untuk membina LCCT untuk AirAsia, sebuah syarikat swasta, sedangkan KLIA masih "under utilized" sehingga kini. Kenapa tiada Tender Terbuka diadakan sebelum memberikan projek pembinaan kepada FAJARBARU BUILDER GROUP BHD dan mengapa ada keperluan untuk membina satu lagi LCCT yang baru.
8. PR-1211-L11960  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah untuk memudahkan prosedur pinjaman bank supaya dapat mengurangkan kegiatan Pinjaman Haram (Ah Long).
9. PR-1211-L11753  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah sebab Kementerian masih membenarkan Grand Saga Sdn Bhd menutup jalan keluar/masuk Bandar Mahkota Cheras dan apakah langkah yang diambil untuk membantu penduduk-penduduk yang telah dinafikan hak laluan mereka.
10. PR-1211-L12105  
**Tuan Masir Anak Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah skim bekalan elektrik luar bandar disambung dari Kampung Ran ke Pasar Lachau dan sekitarnya.
11. PR-1211-L12659  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan Kerajaan kepada Tabung Tsunami untuk membantu mangsa-mangsa di dalam negara dan luar negara dan setakat ini berapakah jumlah baki yang masih belum disalurkan serta di mana ianya disimpan.

12. PR-1211-L11727  
**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah garis panduan pembuatan aspal mengikut piawaian seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan adakah ianya sudah diguna pakai di negeri Sabah supaya aspal yang digunakan bagi pembinaan dan pembaikan jalan raya di Sabah akan lebih tahan lama dan tidak mudah rosak.
13. PR-1211-L12523  
**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memberi definisi yang jelas berhubung dengan penduduk bandar dan luar bandar yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar dan apakah program-program yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kemiskinan tegar ini di Pasir Salak khasnya dan di seluruh Malaysia amnya.
14. PR-1211-L12184  
**Tuan Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- a) jumlah subsidi yang diberi kepada industri penanaman padi dalam tahun 2005, 2006 dan 2007; dan
  - b) bagaimanakah Kerajaan Persekutuan memberi galakkan kepada Kerajaan negeri agar memberi subsidi kepada pengusaha penanaman padi untuk menambahkan pengeluaran padi negara.
15. PR-1211-L11377  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini Projek Jambatan Pulau Pinang yang kedua dan apakah impak projek tersebut terhadap alam sekitar di negeri Pulau Pinang.
16. PR-1211-L12685  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan pendatang dengan izin dan tanpa izin di negara ini. Apakah rancangan untuk menghantar mereka ke negara asal serta kesan-kesan yang telah dan akan wujud bagi beratus-ratus ribu yang terus bermastautin di sini.

17. PR-1211-L12415  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah penggunaan dakwat kekal ditarik balik penggunaannya dalam Pilihan Raya Umum ke-12 yang lalu sedangkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mewar-warkan akan menggunakannya sebelum daripada itu.
18. PR-1211-L12079  
**Tuan Loke Siew Fook [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar baru yang dirangka oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu dan meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat kaum India di Malaysia yang terpinggir.
19. PR-1211-L12553  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pembinaan generasi muda belia bermula dari sekolah menerusi program sekolah khasnya kokurikulum tidak mampu membinanya. Mengapa ketika ini pihak-pihak tertentu menghalang NGO berkenaan di sekolah.
20. PR-1211-L12211  
**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi yang diperlukan dalam 2006, 2007, dan unjuran untuk 2008 bagi mengekalkan harga bahan bakar sekarang.
21. PR-1211-L12060  
**Tuan Roslan bin Shaharum [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa kontrak pembelian pesawat pengangkutan Airbus A 400M yang telah ditandatangani (2005) diutamakan, sedangkan ianya akan siap pada 2012 dan pesawat tersebut tanpa 'prototype' (contoh) berbanding penggantian pesawat NURI. Sila nyatakan jumlah pembelian kontrak tersebut dan berapakah jumlah bayaran setiap tahun.
22. PR-1211-L12358  
**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran kopi dan kelapa sebagai bahan komoditi negara.

23. PR-1211-L11536  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada TNB sedia memperbaiki bekalan elektrik yang berterusan agar tidak berlakunya gangguan yang menjejaskan pengeluaran industri pembuatan dan teknologi tinggi di Estet Perindustrian Prai, Bayan Lepas dan Bukit Minyak yang membawa kerugian besar.
24. PR-1211-L11503  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak mengadakan siaran langsung bagi persidangan Dewan Rakyat tetapi hanya membenarkan siaran langsung selama setengah jam bagi sesi soal jawab sahaja. Apakah rasional Kementerian yang mengehendkan siaran langsung selama setengah jam tersebut.
25. PR-1211-L11314  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- a) apakah usaha pihak Kementerian dalam mempertingkatkan usaha tani dan perladangan bagi mengurangkan pengimportan bekalan daging dari India dan New Zealand; dan
  - b) adakah bekalan makanan yang berasaskan pertanian dan daging yang dibekalkan oleh peladang dan penternak di negara kita masih tidak dapat memenuhi keperluan penduduk di Malaysia.
26. PR-1211-L12650  
**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap pendedahan kepincangan dan rasuah beberapa Kementerian serta Jabatan yang mengurus dana awam seperti mana yang telah didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada 7 September yang lepas.
27. PR-1211-L12595  
**Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Program Rakan Muda yang telah dua kali dilancar dan diberi nafas baru. Nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan pihak Kerajaan untuk menjayakan program tersebut dan langkah pembaharuan dalam program Rakan Muda siri ke dua.

28. PR-1211-L11340  
**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jaminan Kementerian dalam memastikan Pelan Tempatan (Local Plan) yang dikeluarkan oleh DBKL konsisten dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur terutamanya dalam kategori dan pengkhususan kegunaan tanah.
29. PR-1211-L11939  
**Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menempatkan Suruhanjaya Komunikasi supaya diletakkan dan dikawal selia di bawah Kementerian bagi memudahkan pemantauan.
30. PR-1211-L11787  
**Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab mengapa setiap kali seseorang memperbaharui pasport, Jabatan Imigresen Malaysia akan memproses dengan memberi nombor pasport baru.
31. PR-1211-L12032  
**Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- a) kaedah yang digunakan untuk memastikan kurikulum, kursus dan kemudahan yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi yang terlibat dalam pengambilan pelajar luar negara menepati piawaian yang ditetapkan Kementerian agar tidak menjejaskan reputasi negara untuk menjadi pusat pengajian terulung di rantau ini; dan
  - b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan prestasi dan ranking universiti tempatan yang kebelakangan ini begitu merosot.
32. PR-1211-L12277  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing yang mengalir masuk ke dalam Malaysia mengikut tahun dan negara dari 1999 hingga 1/3/2008.
33. PR-1211-L11559  
**Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian tersebut untuk memastikan kegunaan air di Malaysia dikawal agar ia dapat berkekalan untuk jangka masa panjang.

34. PR-1211-L12598  
**Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk memberi perlindungan kepada orang ramai yang diisytiharkan muflis dan juga di senarai hitamkan di bawah CCRIS (yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia) sebab identiti mereka dicuri oleh pihak lain dan disalahgunakan untuk pinjaman-pinjaman menipu.
35. PR-1211-L11283  
**Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil ke atas syarikat yang didapati telah menggaji pekerja dengan upah yang rendah sehingga dianggap sebagai "buruh paksaan" dalam taksiran Bangsa-Bangsa Bersatu, seperti yang dilaporkan dalam The Daily Telegraph, United Kingdom baru-baru ini.
36. PR-1211-L12237  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mekanisme Kementerian dalam meluluskan Projek Perumahan Rakyat (PPR) / Projek Perumahan Awam (PPA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
37. PR-1211-L11668  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab baru-baru ini Encik Uthayakumar telah dimasukkan ke hospital Taiping. Adakah ini disebabkan oleh larangan atas beliau untuk menerima ubat tiap-tiap hari semasa tahanan.
38. PR-1211-L11835  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah 5 negara terbanyak mengimport minyak sawit Malaysia dan nyatakan jumlahnya mengikut tahun dari 2001 sehingga 2007.
39. PR-1211-L11901  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan Bilakah projek menaiktarafkan Jalan Segambut ke Mont Kiara dapat dimulakan, apakah pelan terperinci, berapa kosnya, siapakah kontraktor-kontraktor dan kenapa mereka dipilih sebagai kontraktor-kontraktor.

40. PR-1211-L11456  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Ahli Parlimen akan disediakan dengan pembantu penyelidikan dan pejabat yang dibiayai oleh Kerajaan, seperti mana yang dijalankan di negara-negara demokrasi yang maju bagi meningkatkan kualiti perdebatan di dalam Parlimen.
41. PR-1211-L12058  
**Dato' Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan-kerajaan negeri diberikan kebebasan untuk menarik pelabur dan melakukan inisiatif fasiliti kewangan bagi menjayakan program pembangunan koridor-koridor ekonomi yang telah dilancarkan sebelum ini.
42. PR-1211-L12271  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mempertingkatkan pendapatan petani di Kerian-Sungai Manik dan usaha untuk menyekat tanah padi ditukar status kepada tanaman kelapa sawit.
43. PR-1211-L12521  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujudnya cadangan untuk membekukan perkembangan hospital-hospital swasta memandangkan perkembangan hospital swasta mempercepatkan penghijrahan para doktor pakar ke sektor swasta dan ini melemahkan hospital-hospital awam.
44. PR-1211-L11535  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan untuk menyempurnakan North Butterworth Container Terminal (NBCT). Nyatakan kos projek NBCT, jenis perbelanjaan sama ada ia merangkumi kos bayaran royalti pasir dan bilakah ia akan siap.
45. PR-1211-L12620  
**Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa banyak pusat-pusat pertumbuhan desa telah dibangunkan di negara ini untuk menjadikan kawasan kampung menjadi pekan-pekan kecil. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menambah bilangan pusat itu demi mengagihkan pembangunan negara dengan lebih merata.

46. PR-1211-L11376  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk meneruskan perhubungannya dengan Kerajaan negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor supaya pembangunan sosioekonomi negara tidak terjejas.
47. PR-1211-L12389  
**Datuk Richard Riot Ak. Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di hospital Kerajaan, termasuk di Hospital Daerah Serian.
48. PR-1211-L12490  
**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia mengurangkan bayaran Pasport Malaysia demi meringankan bebanan rakyat jelata. Jika tidak apakah sebabnya.
49. PR-1211-L12259  
**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jenayah di kalangan para remaja bagi setiap negeri bagi tahun 2005 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi menangani masalah ini.
50. PR-1211-L12454  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan kenyataan Perdana Menteri bahawa Kerajaan akan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris dalam subjek Matematik dan Sains.
51. PR-1211-L11999  
**Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan semua Kementerian, jabatan dan pejabat Kerajaan Persekutuan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka selari dengan tuntutan Islam supaya Islam dapat dilihat dan dirasai tertegak di dalam pentadbiran mereka.
52. PR-1211-L11730  
**Tuan Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi-strategi baru yang diperlukan bagi mempertingkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan laut di Malaysia.

53. PR-1211-L12639  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap keputusan Iran untuk meneruskan pembangunan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan dan adakah Malaysia menyokong tindakan Amerika Syarikat dan sekutunya untuk menyerang Iran sekiranya Iran ingkar memberhentikan program nuklear mereka.
54. PR-1211-L12138  
**Dato' Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- a) berapakah jumlah permit yang dikeluarkan untuk membawa masuk pekerja asing ke dalam negara dan berapa ramai yang ditahan di kem-kem tahanan di satu-satu masa dan kos menanggung mereka ini setiap sebulan; dan
  - b) tidakkah Kerajaan bercadang menghantar mereka pulang tanpa menunggu perbincaraan melainkan yang melibatkan kes jenayah.
55. PR-1211-L12215  
**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- a) jumlah statistik subsidi minyak dari tahun lalu hingga kini; dan
  - b) apakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan harga minyak pada tahun ini.
56. PR-1211-L11244  
**Datuk Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- a) apakah Kerajaan sedar bahawa di negeri Sabah banyak syarikat pengimport kereta yang mengimport kenderaan yang berbagai jenis dan kelas khususnya kenderaan mewah secara haram dan kebanyakannya diisytiharkan sebagai kereta terpakai walaupun ianya kenderaan baru; dan
  - b) jika sedar, bolehkah Kementerian membekalkan senarai syarikat yang sudah diambil tindakan dan berapa pula yang masih menunggu diambil tindakan dan apakah tindakan akan di ambil terhadap pengimport.

57. PR-1211-L11468  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara khusus apakah hasil yang diperoleh oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat mengenai Integriti yang dibentuk dalam Parlimen yang lalu, bilakah jawatankuasa tersebut akan mengemukakan laporannya, adakah jawatankuasa ini telah melaksanakan tugas-tugas mereka mengikut terma rujukan yang dipersetujui di dalam Dewan ini.
58. PR-1211-L12170  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat asing sehingga kini masih berada di negara kita di mana mereka memohon taraf kerakyatan negara dan berapa ramai pula rakyat negara kita yang mempunyai dua kerakyatan serta apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka ini.
59. PR-1211-L12478  
**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah kampus cawangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dibina di kawasan pedalaman selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan pedalaman sebagai Hab Pendidikan seperti yang terkandung dalam pelan Koridor Pembangunan Sabah.
60. PR-1211-L11501  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah kabinet memutuskan Projek Government Integrated Network (GIRN) ditawarkan kepada Sapura dengan kos yang melebihi RM5 bilion memandangkan harga yang ditawarkan oleh syarikat lain jauh lebih rendah daripada RM5 bilion. Kenapakah Kerajaan tidak mengambil kira bantahan daripada beberapa agensi Kerajaan termasuk PDRM dalam kes ini.
61. PR-1211-L12444  
**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- a) bilakah Kerajaan bercadang untuk mematuhi sepenuhnya AFTA untuk kereta; dan
  - b) berapa banyak amaun yang dibayar oleh Kerajaan setiap tahun sebagai penalti kerana tidak mematuhi AFTA untuk kereta sebelum ini.

62. PR-1211-L11439  
**Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik penyertaan belia Sabah dalam program Belia Tani setakat ini, kejayaan program ini dan peranan FAMA Corporation Sdn. Bhd (Famaco) dalam memasarkan produk pertanian belia ke luar negara.
63. PR-1211-L12692  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap apa yang disebut sebagai 5 Tuntutan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Sila jelaskan juga kesemua tuntutan ini.
64. PR-1211-L11546  
**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menentukan sebab-sebab kemerosotan kedudukan Malaysia daripada kedudukan ke 23 Indeks Persepsi Rasuah Transparency International 1995 ke kedudukan ke 44 dan ke 43 masing-masing pada tahun 2006 dan 2007.
65. PR-1211-L12194  
**Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah status pelaksanaan pembinaan Sekolah Menengah Sukau, Sekolah Menengah Kebangsaan Paris, Sekolah Menengah Kebangsaan Entilibon, Tongod dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tongod di Parlimen Kinabatangan.
66. PR-1211-L12728  
**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah Bank SME, Bank Rakyat dan Bank Pertanian berjaya mencapai sasaran membantu usahawan dan syarikat IKS Bumiputera sedangkan bank itu berusaha menjadi bank komersial.

67. PR-1211-L12019  
**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) apakah langkah yang diambil bagi penyeragaman undang-undang penerimaan masuk dan pendaftaran peguam syarie yang buat masa ini berbeza mengikut enakmen negeri masing-masing; dan
  - b) apakah sebuah Majlis Peguam Syarie akan ditubuhkan seperti Majlis Peguam Malaysia.
68. PR-1211-L12509  
**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kedua-dua program iaitu Pembangunan IKS dan Industri Desa boleh dimanfaatkan bagi menyumbang kepada pembasmian kemiskinan.
69. PR-1211-L11841  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status bekalan air bersih ke kampung-kampung melalui projek bekalan air luar bandar Kementerian.
70. PR-1211-L12591  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah semua Ahli Parlimen Pembangkang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhak mendapat peruntukan pembangunan kawasan Parlimen bagi kawasan masing-masing memandangkan kekalahan calon-calon BN bagi tempoh 4 tahun akan datang. Jika tidak, bagaimanakah ianya akan disalurkan.
71. PR-1211-L11263  
**Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana kejayaan Kementerian dalam mengubah pemikiran rakyat bahawa pertanian adalah satu perniagaan.

72. PR-1211-L12724  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan membantu IKS-IKS bumiputera meneroka peluang ekonomi baru seperti penyediaan tenaga alternatif, bioteknologi, high-end outsourcing, hab halal yang boleh menjadi batu loncatan pembangunan ekonomi bumiputera yang lebih baik sejajar dengan usaha Kerajaan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera generasi baru.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas”.

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (8 Mei 2008)**

2. (D.R 1/2008) **Rang Undang-Undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008** Bacaan Kali Yang Kedua

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

*‘Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan Dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia.’ “*

4. PR-1211-U11249

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

**(Menteri Pengangkutan)**

5. PR-1211-U11250

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk kesejahteraan hidup rakyat.

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

6. PR-1211-U11256

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

**(Menteri Belia dan Sukan)**

7. PR-1211-U12705  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya Diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

8. PR-1211-U12709  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

9. PR-1211-U11516  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**(Menteri Penerangan)**

10. PR-1211-U11517  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

11. PR-1211-U11519

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

12. PR-1211-U11520

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

13. PR-1211-U11523

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

14. PR-1211-U12088

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

**(Perdana Menteri)**

15. PR-1211-U12093  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperoleh terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logiknya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

**(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)**

16. PR-1211-U12097  
**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

**(Menteri Pelajaran)**

17. PR-1211-U12648  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)**

18. PR-1211-U11457  
**Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

19. PR-1211-U12502  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarkan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

**(Menteri Luar Negeri)**

20. PR-1211-U12517  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

**(Perdana Menteri)**

21. PR-1211-U12520  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

**(Menteri Kewangan)**

22. PR-1211-U12526  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

**(Perdana Menteri)**

23. PR-1211-U12529  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

**(Menteri Dalam Negeri)**

24. PR-1211-U12535  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

**(Perdana Menteri)**

25. PR-1211-U12740  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

**(Perdana Menteri)**

26. PR-1211-U12741  
**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN.

Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyiasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggan undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

**(Perdana Menteri)**

27. PR-1211-U12583

**Dr. Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

**(Menteri Pelajaran)**

28. PR-1211-U12554

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

**(Menteri Pelancongan)**

29. PR-1211-U12590

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

30. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia.”

**(Menteri Pelajaran)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2008</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2007. (Telah Diaudit)	12 Mei 2008
ST.8	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (LPKM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	12 Mei 2008
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia (LKM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	12 Mei 2008